

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

Email : [info@pp.gov.my](mailto:info@pp.gov.my)

Email Bahagian : [lpphq\\_penyelesaian@pp.gov.my](mailto:lpphq_penyelesaian@pp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

LPP(B) 5/6 Jld.8 (25)

11 Januari 2019

Pengarah,  
Lembaga Pertubuhan Peladang,  
Negeri .....

Pengurus Besar,  
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pengurus Besar,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pengurus Besar,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pejabat Wakil Pendaftar,  
Bahagian Institusi Peladang,  
Jabatan Pertanian Sarawak,  
Tingkat 13, Menara Pelita,  
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub,  
93050 Petrajaya,  
Kuching, Sarawak.  
(u.p : Ketua Penolong Pengarah, Institusi Peladang)

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 5 TAHUN 2018 –  
JENIS DAN KADAR BAYARAN ELAUN-ELAUN AHLI JEMAAH PENGARAH, BIRO  
DAN ANGGOTA PERTUBUHAN PELADANG**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Arahan Pendaftar Bil. 5 Tahun 2018 – Jenis Dan Kadar Bayaran Elaun-elaun Ahli Jemaah Pengarah, Biro dan Anggota Pertubuhan Peladang, boleh dicapai dan dimuat turun melalui Laman Sesawang LPP di <http://www.lpp.gov.my/> atau <http://www.lpp.gov.my/category/view/51>

3. Sukacita dapat pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan memanjangkan surat ini untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan.


2/...

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

Sekian, terima kasih.

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2017  
" OUR FOOD OUR FUTURE "

Saya yang menjalankan amanah,



**(SALLEH BIN HJ. KABUL)**

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan,  
b/p Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang.

s.k

Ketua Pengarah,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Setiausaha Tetap,  
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak;  
Merangkap Wakil Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak.

Pengarah, Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Fail Timbul

# **PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG**

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>  
Email : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)  
Email Bahagian : [lppht\\_penyelaaan@lpp.gov.my](mailto:lppht_penyelaaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-26109600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LPP (B) 5/6 Jld.8 ( 24 )  
Tarikh : 07 Januari 2019

## **ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 5 TAHUN 2018**

### **JENIS DAN KADAR BAYARAN ELAUN - ELAUN AHLI JEMAAH PENGARAH, BIRO DAN ANGGOTA PERTUBUHAN PELADANG**

#### **1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan menetapkan jenis-jenis dan kadar bayaran elaun-elaun Ahli Jemaah Pengarah, Biro / Jawatankuasa Kecil dan Anggota Pertubuhan Peladang.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sesuatu Pertubuhan Peladang ditubuhkan bertujuan memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan anggotanya atau unit anggotanya, menambah pengetahuan dan kemahiran, meningkatkan hasil dan pendapatan dan memperbaiki cara hidup anggotanya serta mewujudkan satu masyarakat peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu.
- 2.2 Dalam konteks tujuannya di atas, Pertubuhan Peladang hendaklah sentiasa patuh kepada dasar dan undang-undang yang sedia ada dalam tadbir urusnya.
- 2.3 Dalam melaksanakan tadbir urus PP yang cemerlang pemilihan kepimpinan Ahli Jemaah Pengarah perlu dari calon-calon yang mampu melaksanakan tugas-tugas AJP dengan baik sekaligus memantapkan PP.

### 3. PUNCA KUASA

#### 3.1 Peraturan 85, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1985:-

*“Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu, mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini.”*

#### 3.2 Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan Perkara 52;

(i) Perkhidmatan Jemaah Pengarah hendaklah secara kehormat dan tidaklah membayar bayaran apa-apa gaji kepada mereka, kecuali bayaran honorarium seperti perkara 68(ii) (f) kepada Perlembagaan ini yang dipersetujui dan diluluskan oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Jemaah Tahunan. Bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jemaah Pengarah, Jawatankuasa Kecil dan lain-lain mesyuarat Pertubuhan ini, Pengarah itu bolehlah dibayar tambang dan elaun.

(ii) Pertubuhan ini tidak membayar apa-apa perbelanjaan selain daripada tambang kepada wakil-wakil kerana menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan ini

#### 3.3 Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri / Kebangsaan Perkara 50;

(i) Perkhidmatan Jemaah Pengarah hendaklah secara kehormat dan tidaklah membayar bayaran apa-apa gaji kepada mereka, kecuali bayaran honorarium seperti perkara 64(ii)© kepada Perlembagaan ini yang dipersetujui dan diluluskan oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Jemaah Tahunan. Bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jemaah Pengarah, Jawatankuasa Kecil dan lain-lain mesyuarat Pertubuhan ini, Pengarah itu bolehlah dibayar tambang dan elaun.

(ii) Pertubuhan ini tidak membayar apa-apa perbelanjaan selain daripada tambang kepada wakil-wakil kerana menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan ini

#### **4. DEFINISI**

“Ahli Jemaah Pengarah” ertinya ahli/individu yang dilantik atau dipilih mengikut Perlembagaan PP untuk mengurus hal ehwal PP dan lain-lain perkara yang diamanahkan kepadanya, Perkara 5(4) Perlembagaan PP”;

“Elaun” ertinya bayaran yang diberikan kepada seseorang (AJP/Biro/Anggota/Wakil Unit Anggota) oleh PP mengikut nilai yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan untuk melaksanakan sesuatu tugas/aktiviti berkaitan PP;

“Hal ehwal Pertubuhan Peladang” bermaksud semua perkara yang berkaitan dengan urusan Pertubuhan Peladang;

“Pendaftar” bermaksud Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Seksyen 7 (2) Akta 109;

“Pertubuhan Peladang” ertinya sesuatu pertubuhan peladang yang dibentuk di bawah seksyen 3 di peringkat Kawasan (PPK), Negeri (PPN) atau Kebangsaan (NAFAS) dan yang didaftarkan di bawah seksyen 9;

“Siling” ertinya had maksima bayaran elaun yang dibenarkan.

“Undang-undang” ertinya termasuklah Akta, Peraturan-peraturan PP 1983, Arahan dan Pekeliling Pendaftar, Perlembagaan PP dan Kaedah-kaedah Berdaftar PP.

#### **5. JENIS – JENIS ELAUN DIBENARKAN**

Jenis-jenis elaun yang dibenarkan kepada PP;

- 5.1. Elaun Mesyuarat Agung Perwakilan
- 5.2. Elaun Mesyuarat AJP
- 5.3. Elaun Mesyuarat Biro
- 5.4. Elaun Mesyuarat Agung Unit
- 5.5. Elaun Mesyuarat Bersama Jabatan/ Agensi/ Badan Penapis
- 5.6. Elaun Mesyuarat Ketua Unit/ Jawatankuasa Unit Peladang
- 5.7. Elaun Ganti Kerja (Lawatan/ Seminar/ Kursus) Dalam Negeri
- 5.8. Elaun Ganti Kerja (Lawatan/ Seminar/ Kursus) Luar Negara
- 5.9. Elaun Pemeriksaan Stok Fizikal
- 5.10. Elaun Juruaudit Dalam
- 5.11. Elaun Mesyuarat Peladang Muda dan Peladang Nita

- 5.12. Elaun Telefon AJP (Penandatanganan Cek Sahaja)
- 5.13. Elaun Lojing
- 5.14. Elaun Hotel
- 5.15. Elaun Tambang;
  - a. Kapal Terbang
  - b. Teksi (satu tempat duduk)
  - c. Bas
  - d. Keretapi
  - e. Perbatuan RM 0.70/km dan tol

## 6. NILAI SILING JENIS – JENIS ELAUN

- 6.1. Nilai siling yang boleh dibayar perlu berasaskan keupayaan kewangan semasa Pertubuhan Peladang. Di peringkat NAFAS nilai siling elaun adalah seperti berikut;

### 6.1.1 Elaun Mesyuarat

Bil.	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Perwakilan
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Mesyuarat Agung	1,500.00	1,200.00	1,000.00
2	Mesyuarat AJP	800.00	600.00	TB
3	Mesyuarat Semua Biro/Jawatankuasa Kecil	600.00	500.00	TB
4	Mesyuarat Jawatankuasa Peladangnya /Peladang Muda	350.00	300.00	TB
5	Mesyuarat Jab./ Agensi	300.00	250.00	TB

### 6.1.2 Elaun Tugas / Aktiviti Pertubuhan Peladang

Bil.	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Elaun HP Tandatanganan Cek / Dokumen	100/bulan	100/bulan	TB
2	Juru Audit Dalam	TB	TB	200/hari

Bil.	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
3	Kursus / Lawatan Dalam Negeri (EGK)	200/hari	150/hari	150/hari
4	Kursus / Lawatan Luar Negara (EGK)	250/hari	200/hari	200/hari
5	Hotel	400/hari	400/hari	400/hari
6	Pemeriksaan Stok Fizikal	TB	100/hari	100/hari
7	Lojing / Penginapan	100/hari	100/hari	100/hari
8	Perbatuan	0.70/km	0.70/km	0.70/km
9	Tambang Pengangkutan Awam	Mengikut Resit	Mengikut Resit	Mengikut Resit
10	Tambang Kapal Terbang	Perniagaan	Ekonomi	Ekonomi
11	Elaun Ganti Kerja	100/hari	100/hari	100/hari

- 6.2. Nilai siling yang boleh dibayar perlu berasaskan keupayaan kewangan semasa Pertubuhan Peladang. Di peringkat PPN nilai siling elaun adalah seperti berikut;

#### 6.2.1 Elaun Mesyuarat

Bil.	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Perwakilan / Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Mesyuarat Agung	500	400	300
2	Mesyuarat AJP	500	400	TB
3	Mesyuarat Semua Biro	300	250	250
4	Mesyuarat Jab./ Agensi	150	140	TB
5	Mesyuarat Agung Unit Peladang	TB	TB	TB
6	Mesyuarat Peladang Nita / Muda / Kortani	100	50	TB

### 6.2.2 Tugas / Aktiviti PPN

Bil.	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Elaun HP Tandatangan Cek / Dokumen	100/bulan	100/bulan	TB
2	Juru Audit Dalam	TB	TB	180/hari
3	Kursus / Lawatan Dalam Negeri (EGK)	150/hari	100/hari	100/hari
4	Kursus / Lawatan Luar Negara (EGK)	250/hari	200/hari	200/hari
5	Pemeriksaan Stok	TB	90/hari	90/hari
6	Hotel	300/hari	300/hari	300/hari
7	Lojing / Penginapan	170/hari	130/hari	130/hari
8	Perbatuan	0.70/km	0.70/km	0.70/km
9	Tambang Pengangkutan Awam	Mengikut Resit	Mengikut Resit	Mengikut Resit
10	Elaun Ganti Kerja	70/hari	70/hari	70/hari

- 6.3. Nilai siling yang boleh dibayar perlu berasaskan keupayaan kewangan semasa Pertubuhan Peladang. Di peringkat PPK nilai siling elaun adalah seperti berikut;

#### 6.3.1 Elaun Mesyuarat

Bil	Elaun	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Perwakilan / Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Mesyuarat Agung	250	200	100
2	Mesyuarat AJP	150	100	TB
3	Mesyuarat Semua Biro	100	50	50
4	Mesyuarat Jab./ Agensi	60	50	30
5	Mesyuarat Agung Unit Peladang	60	50	30
6	Mesyuarat Badan Penapis SBPKP	50	50	TB
7	Mesyuarat Ketua Unit Peladang	60	50	30
8	Mesyuarat PeladangNita / Kortani	50	30	TB
9	Mesyuarat Peladang Muda / Jawatankuasa Unit Peladang	50	30	TB



### 6.3.2 Tugas / Aktiviti PPK

Bil	Perkara	Pengerusi	AJP / AJK Biro	Ahli
		Siling (RM)	Siling (RM)	Siling (RM)
1	Elaun HP Tandatangani Cek / Dokumen	100/bulan	100/bulan	TB
2	Juru Audit Dalam	TB	TB	50/hari
3	Kursus / Lawatan Dalam Negeri (EGK)	60/hari	55/hari	55/hari
4	Kursus / Lawatan Luar Negara (EGK)	90/hari	80/hari	80/hari
5	Pemeriksaan Stok	Tiada	40/hari	40/hari
6	Hotel	200/hari	200/hari	200/hari
7	Lojing / Penginapan	50/hari	50/hari	50/hari
8	Perbatuan	0.70/km	0.70/km	0.70/km
9	Tambang Pengangkutan Awam	Mengikut Resit	Mengikut Resit	Mengikut Resit
10	Elaun Ganti Kerja	50/hari	50/hari	50/hari

## 7. PUNCA KEWANGAN

7.1. Sumber Dalaman Pertubuhan Peladang Kawasan (Belanja Pentadbiran / KumpulanWang PP)

7.2. Belanjawan tahunan Pertubuhan Peladang diluluskan.

## 8. BAYARAN ELAUN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PP

8.1. Bayaran elaun Mesyuarat Agung Tahunan PP hanya boleh dibayar oleh pihak (PP) yang mengeluarkan notis panggilan mesyuarat sahaja bagi mengelakkan pertindihan bayaran.

8.2. Bayaran elaun lain, selain daripada di para 5 dan 6 adalah tidak dibenarkan.

## 9. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian mengenai apa-apa perkara yang timbul dalam urusan ini hendaklah dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang untuk keputusan selaras dengan Seksyen 17, Akta 109 serta Peraturan 68, Perkara 74 . Keputusan Pendaftar adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

10. KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai belanjawan dan tahun kewangan 2020.



(HAJI HAMZAH BIN HAJI BAHARI)

Pendaftar

Pertubuhan Peladang